



## KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

### PENGUATKUASAAN OLEH KKM SECARA INTENSIF DAN BERTERUSAN KE ATAS PREMIS FARMASI, PREMIS KLINIK PERUBATAN SWASTA DAN LAIN-LAIN PREMIS DI SELURUH NEGARA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan-laporan media mutakhir ini berkaitan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan ke atas premis farmasi, premis klinik perubatan swasta dan lain-lain premis di seluruh negara. Tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) adalah bagi kes-kes yang disyaki melanggar peruntukan undang-undang di bawah Akta Racun 1952, Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989, Akta Jualan Dadah 1952 dan Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

Sepanjang tempoh 2018 hingga 2019, sejumlah **3,162 bilangan aduan** telah diambil tindakan oleh KKM melalui BPF yang melibatkan aduan produk, pelanggaran amalan profesional dan lain-lain.

Sebanyak **4,169 serbuan** turut dijalankan ke atas premis farmasi berlesen, klinik perubatan swasta dan lain-lain premis yang melanggar peruntukan undang-undang dalam tahun 2017 hingga 2019 (Jadual 1). Serbuan ini melibatkan anggaran keseluruhan nilai rampasan mencecah **RM 142 juta** (Jadual 2).

KKM juga menjalankan tindakan pemantauan ke atas premis farmasi berlesen, klinik swasta dan lain-lain premis melalui aktiviti pemeriksaan yang dilakukan. Dari tahun 2017 hingga 2019, sejumlah **37,418 bilangan pemeriksaan** dilakukan ke atas premis farmasi berlesen, premis klinik dan lain-lain premis (Jadual 3).

Operasi khas ke atas bahan-bahan terkawal bahan psikotropik turut dilakukan bagi mengelakkan ia dipesong untuk tujuan yang tidak sah. Dalam tempoh tersebut juga sebanyak **675 operasi khas** dilakukan ke atas klinik perubatan swasta dan premis farmasi.

KKM juga menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap laman sesawang dan media sosial yang mengiklankan dan menjual produk-produk kesihatan dilarang secara dalam talian di mana sejumlah **3,737 tindakan sekatan telah diambil** dalam tempoh 3 tahun tersebut.

Aktiviti pemantauan iklan-iklan perubatan di semua media cetak, media elektronik dan internet turut dipertingkatkan bagi memastikan pengguna tidak terpengaruh dengan tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah dibuat ke atas iklan tersebut. Notifikasi iklan dihantar kepada pengendali platform e-dagang. Lanjutan daripada notifikasi itu, **8,562 bilangan iklan** oleh pengendali platform e-dagang **telah diturunkan**.

BPF juga mengambil tindakan pendakwaan ke atas kes-kes yang disiasat dan mempunyai bukti yang kukuh. Dari tahun 2017 hingga 2019 juga sebanyak **4,157 kes pendakwaan** telah dijalankan untuk pelbagai jenis kesalahan (Jadual 4).

KKM sentiasa **komited, proaktif dan telus** dalam mengambil tindakan berlandaskan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Tindakan yang diambil juga adalah **menyeluruh** ke atas **pelbagai jenis kesalahan** yang melibatkan **pelbagai jenis premis**. KKM juga sentiasa memastikan dan mendahulukan kesejahteraan rakyat dalam segala tindakan yang diambil.

Pihak KKM mengalu-alukan sebarang aduan daripada orang awam bagi membanteras penjualan ubat-ubat terkawal tanpa preskripsi, pelanggaran melibatkan penjualan dan pembekalan bahan-bahan psikotropik dan aktiviti pengiklanan yang melanggar peruntukan undang-undang sedia ada. Aduan

boleh disalurkan melalui laman sesawang <http://www.pharmacy.gov.my> ATAU melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my> ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasaan Farmasi yang berdekatan ATAU melalui talian 03-78413200.

**DATUK DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**17 DISEMBER 2019**

## LAMPIRAN

**Jadual 1: Bilangan Serbuan ke atas Premis Farmasi, Klinik Perubatan Swasta dan Lain-lain premis dari tahun 2017 hingga 2019**

Tahun	Premis Farmasi	Klinik Perubatan Swasta	Lain-lain Premis
2017	156	78	1,171
2018	105	52	1,209
2019	119	75	1,204
<b>Jumlah</b>	<b>380</b>	<b>205</b>	<b>3,584</b>

**Jadual 2: Bilangan Rampasan ke atas Premis Farmasi, Klinik Perubatan Swasta dan Lain-lain premis dari tahun 2017 hingga 2019**

Tahun	Premis Farmasi		Klinik Perubatan Swasta		Lain-lain premis	
	Bil. item	Nilai Rampasan (RM)	Bil. item	Nilai Rampasan (RM)	Bil. item	Nilai Rampasan (RM)
2017	2,013	1,361,339	668	863,261	18,070	68,182,843
2018	624	241,838	187	308,737	20,903	32,041,126
2019	430	786,660	458	336,254	28,764	38,079,536
<b>Jumlah</b>	<b>3,067</b>	<b>2,389,837</b>	<b>1313</b>	<b>1,508,252</b>	<b>67,737</b>	<b>138,303,505</b>

**Jadual 3: Bilangan Pemeriksaan dilakukan ke atas tiga pecahan Premis dari tahun 2017 hingga 2019**

Tahun	Bilangan Pemeriksaan Premis Farmasi Berlesen Jenis A*	Bilangan Pemeriksaan Premis Klinik**		Bilangan Pemeriksaan Lain-lain Premis***
		Klinik Perubatan	Klinik Pergigian	
2017	3,566	2,568	458	3,957
2018	3,907	2,695	506	6,823
2019	3,926	2,581	451	5,980

*Nota:*

*Pemeriksaan merangkumi pemeriksaan baru / rutin / susulan / ulangan*

*\*Premis farmasi dengan Lesen Jenis A Runcit / Borong / Borong & Runcit*

*\*\*Klinik termasuk Klinik perubatan dan klinik pergigian*

*\*\*\* Lain-lain premis adalah premis tidak berlesen merangkumi kedai ubat, salun kecantikan, pengamal perubatan tradisional dan komplementari (TCM), kedai hardware, pasar malam dan lain-lain*

**Jadual 4: Bilangan Pendakwaan Keseluruhan melibatkan Premis Farmasi, Klinik Perubatan Swasta dan Lain-lain premis dari tahun 2017 hingga 2019**

Tahun	Premis Farmasi		Klinik Perubatan Swasta		Lain-lain premis	
	Bil Kes	Jumlah Denda (RM)	Bil Kes	Jumlah Denda (RM)	Bil Kes	Jumlah Denda (RM)
2017	155	196,400	147	183,400	2,105	4,643,740
2018	108	262,200	53	296,300	763	3,467,460
2019	101	375,550	32	130,600	693	3,340,860
<b>Jumlah</b>	<b>364</b>	<b>834,150</b>	<b>232</b>	<b>610,300</b>	<b>3,561</b>	<b>11,452,060</b>